

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 13.11.2017**

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ [ SUNGAI BESAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk-bentuk kejayaan yang telah dicapai menerusi penubuhan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) dalam melahirkan golongan usahawan muda dan adakah terdapat apa-apa inisiatif khas yang dilaksanakan oleh MaGIC bagi memberi pendedahan kepada golongan muda luar bandar untuk menceburi bidang keusahawanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Pusat Inovasi dan Kreativiti Malaysia (MaGIC) yang dilancarkan pada April 2014 melaksanakan pendidikan keusahawanan *start-up`high-*

*growth*' dan keusahawanan sosial secara berkesan. Mulai tahun lalu, MaGIC mula memberi penekanan ke arah penerapan elemen kreativiti dan inovasi dalam bidang keusahawanan negara, dalam semua sektor dan tidak hanya dalam sektor teknologi.

Sehingga akhir 2016, sebanyak 37,313 usahawan telah mengikuti pelbagai program latihan keusahawanan MaGIC. Selain itu, MaGIC juga berjaya membantu sebanyak 846 usahawan '*startup*' menerusi program latihan, pecutan dan program khas seperti:

1. Program e@Stanford;
2. Program Stanford Go-To-Market;
3. Program Pecutan Global (GAP) MaGIC yang juga yang terbesar seumpamanya di rantau ini;
4. Simposium MaGIC Academy; dan
5. Program-program latihan Educa8 di bawah Akademi MaGIC.

Menerusi program SPARK pula, MaGIC juga meningkatkan pendedahan kepada golongan luar bandar kepada budaya keusahawanan. SPARK adalah merupakan program '*outreach*' khusus di bawah MaGIC yang menggabungkan sesi bual bicara, panel

speaker, bengkel kreativiti dan inovasi.